

Pemikiran Akal Budi dan Sosiobudaya Melayu dalam Pendidikan Kesusasteraan Melayu

Shamsudin Othman*, Azhar Md Sabil & Ghazali Lateh

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRACT

Malay Literature Education cannot be separated from the etymology of the word 'Malay' as having meanings that are explicitly bound to the idea of 'nation' and implicitly to the idea of 'Islam.' The word 'Malay,' which refers to a nation that is going through a process of empowerment of the people as stated in the modern or traditional literature or that of classical Malay poetry, is faced with the impending challenge of globalization and competition. Experts and proponents of the national concept of the Malay civilization are in consensus that the Malay has great roots of civilization. Therefore, this paper will look at the extent to which Malay Literature education and racial identity could be linked to the sociocultural aspects of the nation, particularly with rise and clash with other cultures which are then absorbed naturally. As such, this paper discusses several ideas on the problems and concerns about the Malay literature. Thus, Malay Literature education today is seen as very important to create a successful Malay civilization in order to meet important challenges so that the building blocks of self-esteem or grandiose ideas Malaysia Education Blueprint 2013-2025 will not be in ruins.

Keywords: Literature, sociocultural, intelligence and nation

Abstrak

Pendidikan Kesusasteraan Melayu tidak dapat dipisahkan daripada etimologi kata 'Melayu' kerana mempunyai hubungan makna yang terikat dalam pengertian tersurat (bangsa) dan tersirat (Islam). Akal budi 'Melayu' merujuk kepada bangsa yang sedang melalui proses pemerkasaan bangsa seperti yang tercatat dalam karya (sastera moden mahupun karya Melayu klasik). Teks dan naskah Melayu ini sebenarnya sedang berhadapan dengan cabaran persaingan dalam lingkungan globalisasi yang berjungkir-balik. Kesepakatan sarjana terhadap konsep tamadun dan negara Melayu dilihat berada pada kesahihan bukti yang cukup kuat, iaitu sastera Melayu mempunyai akar tamadun yang hebat. Justeru, makalah ini akan melihat sejauh mana pendidikan Kesusasteraan Melayu yang sedang berjalan hari ini sesuai dengan keperluan tamadun bangsa serta dapat dikaitkan dengan lingkungan hidup masyarakat khususnya dalam situasi kebangkitan dan pertembungan dengan budaya-budaya lain yang kemudiannya terserap secara alamiah. Beberapa lontaran idea berkaitan permasalahan dan keraguan terhadap kesusasteraan Melayu turut disentuh. Justeru pendidikan Kesusasteraan Melayu pada hari ini dilihat sangat penting dalam usaha mewujudkan tamadun Melayu yang berjaya dalam usaha menyahut cabaran penting mempertahankan sistem nilai supaya tidak tergelincir daripada jati diri atau atas pembinaan gagasan muluk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Kata Kunci: Kesusasteraan melayu, sosiobudaya, akal budi dan bangsa

PENDAHULUAN

Manusia yang sempurna di sisi Tuhan adalah manusia yang dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Kesimbangan antara akal dan budi akan melahirkan manusia yang bersifat insan atau berupaya memenuhi tuntutan nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Dalam konteks pendidikan Kesusasteraan Melayu, teks

*Corresponding author: shamsudean66@gmail.com

ISSN: 2289-...X © Universiti Putra Malaysia Press

sastera (karya) yang baik secara langsung juga akan dapat mengubah perilaku pembaca daripada bersifat batil kepada memahami konsep kebenaran. Sejarah dengan itu, bagi melihat ketamadunan sesuatu bangsa pula, ketinggian akal dengan kehalusan budi bangsanya adalah penentu kepada kecemerlangan sesebuah negara. Begitu juga jika diukur daripada sudut kurikulum dan ilmu yang mementingkan penerapan nilai-nilai murni (kemanusiaan) itu akhirnya dilihat dapat menyebati di dalam diri bangsanya. Maknanya, jika hal-hal ini diberi keutamaan, maka keseimbangan sistem pendidikan negara seperti yang digagaskan dalam anjakan ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai dapat dicapai.

METODOLOGI

Bagi melihat sumbangan dan peranan pendidikan Kesusastraan Melayu dalam usaha mengetengahkan pemikiran akal budi dan sosiobudaya itu, kajian ini memilih beberapa contoh karya sastera seperti Hikayat Hang Tuan dan Sejarah Melayu sebagai sandaran teks kajian. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap karya-karya sastera Melayu terpilih dengan menghubungkan Falsafah Pendidikan Kesusastraan Melayu dengan kajian sosiobudaya Melayu yang menekankan konsep akal budi fenomena Melayu.

Akal Budi Melayu

Akal budi Melayu adalah satu konsep yang sentiasa subur dalam ruang lingkup sosiobudaya Melayu. Takrif ‘akal’ dan ‘budi’ dalam konteks Melayu merupakan konsep yang terjelma daripada kearifan cara bangsa Melayu berfikir. Berdasarkan kajian-kajian sarjana Islam, ‘akal’ merujuk kepada kemampuan berfikir yang melengkapkan manusia dengan pengetahuan (ilmu); berfikir terhadap segala idea dan perilaku yang diperlukan dalam perhubungan dengan persekitaran serta membolehkan akal melakukan perbezaan antara baik dan buruk untuk dimanfaatkan dalam kehidupan mereka. Sementara perkataan ‘budi’ bertolak daripada maksud keikhlasan yang lahir daripada hati akibat rasa luluh dan rasa simpati yang terkandung di dalam hati. Sifat daripada rasa kemanusiaan tinggi ini melahirkan budi daripada akal dan kebijaksanaan yang ditanggapi sebagai perbuatan jasa atau berjasa. Mohd Yusof Othman (1999) menjelaskan bahawa deria dalam manusia terdiri daripada akal budi, iaitu daya ingatan berimaginasi, imaginasi kehaiwanan, imaginasi keinsanan, anggapan, memori dan mengingat semula. Daripada pandangan di atas, jelaslah membuktikan agen intelek merupakan agen yang tertinggi dalam perkembangan intelek manusia. Agen intelek boleh memberikan makna tentang sesuatu yang dapat dirasai oleh jiwa sensitif dengan memberi makna dan ilmu kepada manusia. Melalui akal dan budi seseorang itu dapat menilai kebenaran dan kebatilan seperti dalam firman Allah S.W.T. yang maksudnya, “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran”. (Terj. Surah Az-Zumar 39: 9).

Justeru, kesedaran semua pihak terhadap pentingnya keseimbangan antara bidang akal dan budi tidak dapat dinafikan. Usaha pelbagai pihak menjadikan sastera sebagai teks yang bersifat merentas kurikulum dilihat menjadi bukti bahawa kedua-dua bidang ini harus seiring dalam usaha membangunkan sesebuah negara. Pengisian kedua-dua bidang ilmu ini khususnya akal dan budi bukan sahaja dapat melahirkan pengarang yang beretika tetapi lebih penting daripada itu ialah melahirkan manusia yang berjaya dalam konteks falsafah modal insan.

Hal ini diakui oleh sarjana barat seperti Scholas, Klaus dan Silverman (1978:31) yang jelas bermaksud bahawa;

Respons terhadap pembangunan sastera yang serius bukan sekadar bersifat sastera itu perlu dipelajari tetapi lebih besar daripada itu ialah sastera menuntut kemahiran yang lebih tinggi daripada pembacaan dan menulis. Memahami sastera juga bermakna bagaimana pencerahan ilmu berlaku dan sastera adalah satu kemahiran yang dapat membangunkan pengalaman hidup.

Pendapat ini menjadi bukti akan keupayaan memahami dan menghayati karya sastera yang dibaca itu memerlukan kemahiran-kemahiran menaakul tinggi yang melangkaui kemahiran membaca atau menulis. Oleh itu, sastera sebagai subjek dalam lingkungan hidup manusia perlu dilihat berupaya menyediakan manusia menguasai kemahiran berfikir dengan baik, khususnya dalam usaha mengasuh kefahaman pemikiran, menghalusi nilai keindahan dan menjadi satu kuasa penting dalam menentukan nilai hidup bertamadun.

Kedinamikan sastera sedang dan terus berlaku dalam sebuah lingkungan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya dan etnik. Kedinamikan ini sedang berhadapan dengan usaha pembentukan jati diri yang kuat serta amat memerlukan keberanian mempertahankan fakta sejarah tamadun bangsa itu sendiri. Oleh itu, kekuatan sejarah itu tidak bermakna sekiranya tidak seiring dengan pengertian kekuatan akliyah kerana daripada kekuatan inilah akan lahirnya pemikiran, falsafah dan akal budi yang benar-benar luhur dan autentik.

Sastera tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat manakala masyarakat pula adalah satu paparan sosiobudaya kehidupan manusia. Keakraban hubungan ini akhirnya tidak dapat dipisahkan dengan konsep ‘keseluruhan dalam kesatuan’, iaitu saling memerlukan dan saling melengkapi dalam satu rantaian yang dikenali dengan nama lingkungan hidup (*human environment* atau *milieu* dalam bahasa Belanda). Unsur-unsur lingkungan hidup itu sendiri biasanya terdiri daripada satu rangkaian yang saling berkait antara manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan seluruh milik cakerawala ciptaan Tuhan (Pencipta). Lingkungan hidup yang lebih dekat dengan makna sastera ialah bagaimana teks tentang kehidupan manusia itu dapat membongkar persoalan peniruan (*mimesis*) yang bertolak daripada pengalaman, pemikiran, daya iluminasi (ilusi dan imaginasi dalam kreativiti), agama, realiti, logos, etos yang kesemuanya itu berada dalam satu rantaian yang tidak mungkin dapat dipisahkan. Hal ini disebut juga sebagai *pervasive*, iaitu penyerapan sastera sebagai salah satu unit kebudayaan dalam masyarakat sekelilingnya (Shahnun Ahmad, 1991: 3). Oleh itu, lingkungan hidup yang dijelaskan ini merupakan bahagian yang mutlak daripada kehidupan manusia.

Dwfungsi Sastera antara Akal Budi dengan Agenda Bangsa

Setelah setengah abad rakyat Malaysia menikmati makna merdeka, apakah maknanya sastera sebagai teras pengucapan budaya dalam lingkungan hidup? Sejauh manakah sastera dapat dilihat sebagai akal budi dan menjadi pemangkin kepada sebuah agenda negara bangsa pada saat sastera dilihat menjadi logos dalam kehidupan yang berkecamuk dengan pelbagai peristiwa rasional dan tidak rasional. Dalam hal ini, bagaimana mungkin sastera dan karya yang menjadi wadah pengucapan sasterawan itu dapat digunakan sebagai sesuatu yang dikatakan penting, pengutus hakikat manusiawi atau sebagai intipati kehidupan untuk menuju negeri abadi? Bukankah Al-Ghazali (1058-1111 M) dalam kitabnya berjudul *Minhajul Abidin* (2008: ix) telah menjelaskan bahawa lingkungan hidup manusia adalah satu produk budaya sebuah masyarakat, iaitu yang jelas memaparkan fenomenologi manusia tentang etika, ketamadunan bangsa, berupaya menterjemahkan kebudayaan yang melahirkannya, mengungkapkan hubungan jiwa dan memancarkan akal budi masyarakat yang melingkarinya atau merupakan satu pendedahan ideologi? Justeru, persoalan sastera dan lingkungan hidup manusia tidak dapat dipisahkan daripada persoalan-persoalan akal budi mahupun lontaran gagasan tamadun bangsa itu sendiri. Inilah pemikiran yang sering berjungkir balik dalam sebuah kebijaksanaan falsafah sastera khususnya jika dilihat daripada peranan sastera sebagai pendokong lingkungan hidup.

Sastera yang merupakan wadah pemikiran masyarakat sebenarnya lahir dalam dua bentuk hubungan, iaitu hubungan dengan Pencipta (Tuhan) dan keduanya hubungan dengan sesama makhluk. Falsafah sastera yang bergerak dalam alur nilai-nilai murni natural manusia itu adalah tidak mungkin dapat mengatasi ketentuan takdir seterusnya membongkar persoalan-persoalan ghaib (*samaiyat*) yang berkisar tentang alam roh, alam kematian dan alam bawah sedar manusia. Oleh itu, kehidupan ghaib (yang tidak dapat difikir dengan akal biasa) ini tidak boleh dipandang rendah atau perlu ditolak dengan tanggapan bahawa perkara-perkara ini bukan sebahagian daripada lingkungan hidup manusia. Justeru, sastera adalah teks yang tidak dapat dipisahkan daripada persoalan rohani dan jasmani manusia. Allah SWT menegaskan hal ini dalam surah *Al-A'raf* ayat 56 hingga 58 yang maksudnya;

Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi setelah (diciptakan) dengan baik. Berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut dan penuh harap. Sesungguhnya rahmat Allah sangat dekat kepada orang yang berbuat kebaikan. Dialah yang meniupkan angin sebagai pembawa khabar gembira, mendahului kedatangan rahmat-Nya (hujan), sehingga apabila angin itu telah membawa awan mendung, Kami halau ke suatu daerah yang tandus, lalu Kami turunkan hujan di daerah itu. Kemudian Kami tumbuhkan dengan hujan itu berbagai jenis buah-buahan. Seperti itulah Kami membangkitkan orang yang telah mati, mudah-mudahan kamu mengambil pelajaran. Dan tanah yang baik, tanaman-tanamannya subur dengan izin Tuhan; dan tanah yang buruk, tanaman-tanamannya yang tumbuh merana. Demikianlah kami menjelaskan berulang-ulang tanda-tanda (kebesaran Kami) bagi orang-orang yang bersyukur.

Tiga ayat daripada surah ini amat jelas menyatakan bahawa tanggungjawab manusia dalam kehidupannya amat bergantung rapat dengan usaha pembangunan modal insan (*human capital*), iaitu merujuk kepada menjadikan manusia yang beragama, bertanggungjawab, berakhlik, berbudi mulia, bijaksana dan bergerak dalam ciri-ciri manusia yang bertamadun. Peringatan supaya manusia tidak menjadi perosak alam, mensyukuri nikmat yang dikurniakan, hidup bersatu hati, mengambil berat tentang peraturan (tatasusila) dan kemanusiaan adalah nilai-nilai luhur yang dituntut dalam budaya ‘*khalifah*’ di muka bumi Allah ini. Hal ini seajar dengan maksud ayat 56 dalam surah *ad-Zariyyat* yang bermaksud, ‘Dan, Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku.’

Dalam perkiraan fungsi kedua, iaitu sastera dan hubungannya dengan sesama makhluk; sastera mempunyai pertalian rantaian hidup yang saling memerlukan antara satu sama lain dalam konteks kehidupan bermasyarakat

sama ada sesama manusia atau dengan alam sekelilingnya. Oleh itu, tuntutan ini dan hubungannya dengan persoalan sastera dan lingkungan hidup ialah sasterawan perlu memahami konsep 'al-insan' dan peranan 'insan' seperti yang termaktub dalam ayat *al-Quran* di atas. Hal ini juga bermakna, insan (rujuk kepada pengkarya) dalam konteks Islam mempunyai pengertian yang lebih luas, iaitu berupaya menzahirkan slogan berbuat baik dan mencegah kemungkaran (*amar ma'ruf nahi mungkar*) sejajar dengan firma Allah dalam surah *Ali 'Imran* ayat 110, iaitu 'Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada *ma'ruf*, dan mencegah daripada *mungkar*, dan kamu beriman kepada Allah SWT.'

Sastera dan Lingkungan Hidup

Falsafah sastera yang bertindak daripada pengertian umum, iaitu mencintai keindahan dan kebijaksanaan merupakan satu konsep muluk yang jika dihalusi akan dapat membawa sesebuah masyarakat ke arah sebuah dunia yang aman dan harmoni. Falsafah sastera yang menjadi teras kecintaan terhadap kedamaian itu adalah jelas menentukan bahawa sastera merupakan elemen penting dalam usaha mengangkat kehidupan manusia ke aras sebaik-baik kejadian ciptaan Tuhan. Peranan falsafah sastera dengan pelbagai aspeknya sama ada dalam konteks mengubah jasmani, emosi, rohani dan intelek manusia atau mengubah materialistik duniawi itu merupakan satu doktrin terpenting. Sastera perlu dilihat sebagai produk budaya yang berfungsi mimesis (peniruan) hingga fungsi sastera dapat memberi penyedaran, sekali gus pemahaman (kepada pembaca) atas kebudayaan yang menjadi sumber kreatifnya itu. Oleh itu, sastera wajib dianggap sebagai satu kuasa pencerahan ilmu yang mampu memasuki seterusnya mengubah wilayah kehidupan manusia daripada mundur kepada kejayaan waima daripada jahiliah kepada ketamadunan.

Dalam sudut yang seakan-akan penting itu, sastera yang bersifat produk sebuah komuniti itu perlu dilihat sebagai pancaran budaya yang dapat melahirkan masyarakat berdaya saing dan kreatif, juga merupakan penceran perilaku masyarakat yang berada di sekelilingnya. Oleh itu, sastera menjadi alat yang dapat mewartakan sebuah produk budaya sekali gus perilaku masyarakatnya. Dalam hal ini, fungsi sastera yang bersifat luaran itu seharusnya diberikan roh kepada kebudayaan yang melahirkannya dan jiwa kepada masyarakat yang berada di sekelilingnya. Demikianlah, secara mudah melihat sastera sebagai roh dalam pengisian kebudayaan dan ketamadunan bangsa. Justeru secara sedar atau tidak, para penikmat, pembaca, guru, murid atau pelajar (audiens) sastera adalah golongan yang dilahirkan sebagai potret sosial untuk dirakamkan kesemua fakta ke dalam bentuk cerita yang dapat meninggalkan impak kesedaran terhadap jasmani, emosi, rohani dan intelektual manusia.

Sastera mengungkapkan perihal masyarakat pada zaman tertentu yang hadir sebagai fakta sejarah. Sastera perlu dipandang sebagai pemancaran semangat zamannya hingga sastera dikatakan dapat memberikan pemahaman yang khas kepada situasi sosial, kepercayaan, ideologi, dan harapan-harapan individu yang sesungguhnya merepresentasikan kebudayaan bangsanya. Penegasan bahawa sasterawan tidak sekadar mewakili (pemikiran dan kebudayaan) masyarakat, tetapi juga mewakili semangat dan dinamika sosial zamannya amat bertepatan dengan pendapat Rene Wellek dan Austin Warren (1988), iaitu sastera adalah potret sosial yang mengungkapkan semangat zamannya (*literature is an expression of society*).

Dalam konteks itulah, mempelajari sastera secara serius kepada suatu bangsa pada hakikatnya tidak berbeza dengan usaha memahami kebudayaan bangsa yang bersangkutan dengan hal-hal yang saling berkaitan seperti ekonomi, politik dan keagamaan. Dengan perkataan lain, mempelajari kebudayaan suatu bangsa tidak akan lengkap jika keberadaan kesusasteraan bangsa yang bersangkutan diabaikan. Di situdah kedudukan kesusasteraan dalam kebudayaan sebuah bangsa diakui seterusnya diiktiraf oleh bangsa lain. Sastera tidak hanya dilihat sebagai pancaran dinamika sosial yang terjadi pada zaman tertentu, tetapi merupakan ekspresi perkembangan pemikiran dan kebudayaan masyarakat. Hal ini menurut pandangan Shaharuddin Maaruf (1993) bahawa sastera sama sekali tidak terpisah daripada manusia dan alamnya.

Pandangan ini turut dipersetujui oleh S. M. Zakir (2006) dengan menegaskan bahawa pengarang tidak dapat melepaskan diri daripada pengaruh bangsa (*race*) dan wataknya (*character*), lingkungan (*milieu*) dan lingkaran masyarakat juga keperluan-keperluan lain yang bersangkutan dengan tempat tinggal, ketradisional, adat-istiadat, harapan, semangat, sikap dan kecenderungan tertentu yang terjadi pada zamannya. Justeru, dalam setiap zaman yang melalui proses perubahan akan turut menjadikan sastera bersifat dinamis hingga sastera yang muncul pada zaman tertentu akan mengungkapkan semangat zaman yang berbeza dengan zaman sebelum atau sesudahnya. Oleh itu, sebagai seorang pengarang, walau di mana pun mereka berada, pengarang itu tidak dapat melepaskan dirinya daripada pengaruh karakter bangsa, lingkungan atau zamannya.

Kesusasteraan Melayu atau kesusasteraan bangsa mana pun juga di dunia ini pada dasarnya merupakan potret sosial budaya masyarakatnya. Sastera adalah satu catatan perjalanan sejarah bangsa dan merupakan refleksi kegelisahan budaya, sekali gus juga merupakan manifestasi pemikiran bangsa yang berkaitan. Dalam percaturan

intelek yang lebih besar, sastera dilihat dapat menggambarkan kehidupan sosiobudaya sesuatu komuniti tertentu, serta sastera merupakan tanggapan evolusi sasterawan atas pelbagai peristiwa yang terjadi dalam lingkungan masyarakat. Hal ini dapat dirujuk kepada perjalanan kesusasteraan Melayu sejak kelahirannya. Jangka masa yang panjang itu bermula daripada teks-teks klasik (tradisional) hingga kini itu telah membuktikan kepada kita bahawa kesusasteraan adalah cerminan budaya masyarakat masa lalu seperti yang dikanunkan dalam teks *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Merong Mahawangsa*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, sehinggalah kepada teks yang moden seperti novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Terededah dan Menteri* (Shahnon Ahmad), *Salina* (A. Samad Said), *Patah Sayap Terbang Jua* (A. Samad Ismail), *Krisis* (Alias Ali), dan beberapa buah karya besar dari pena Arenawati, Abdullah Hussein, S. Othman Kelantan atau Anwar Ridhwan dengan novelnya *Naratif Agonsoto* (2000) dan *Penyeberang Sempadan* (2012), atau Baha Zain dengan puisi-puisinya seperti dalam kumpulan puisi *Perempuan dan Bayang-bayang* (1974) atau karya di tangan pengarang mutakhir Malaysia seperti cerpen dan novel SM Zakir, Mawar Shafie, Fudzail, Faisal Tehrani mahupun puisi-puisi Rahimidin Zahari, Shahrurizam Abd Talib dan lain-lainnya.

Berbalik kepada persoalan sastera dan lingkungan hidup, budaya Melayu yang membesar dalam pembinaan negara bangsa Malaysia kini sedang berhadapan dengan harapan gagasan 1Malaysia. Ciptaan gagasan ini bererti negara kita sedang berhadapan dengan satu situasi, iaitu ingin melahirkan satu bangsa dalam konteks satu negara yang terdiri daripada satu masyarakat dominan. Gagasan seperti ini sebenarnya telah diperjuangkan oleh Soekarno sepenuhnya ketika melancarkan gerakan ‘Penglahiran Pancasila’ pada 1 Jun 1945, iaitu gagasan ‘kesatuan bangsa’ untuk menjadikan Indonesia sebuah negara kebangsaan yang hanya terdiri daripada bangsa Melayu-Indonesia tulen sahaja. Hal ini lebih dikenali sebagai gagasan ‘bangsa super race’, iaitu satu impian terhadap sebuah negara bangsa yang baharu tanpa dipengaruhi oleh kewujudan mana-mana bangsa sebelumnya. Konsep Soekarno ini akhirnya dimurnikan dan berjaya diberikan takrif baharu sebagai negara yang penduduknya tidak lagi terdiri daripada pelbagai bangsa, tetapi perlu memiliki satu semangat cinta terhadap bangsa dengan semangat dan kesedaran cinta terhadap negara (Shamsudin Othman, 2006).

Di negara kita Malaysia, hal ini sedang berada dalam satu proses penjenamaan semula. Sastera telah diangkat untuk menjadi alat pemangkin kepada gagasan murni ini. Oleh itu, secara tersirat, bidang pendidikan dilihat menjadi wadah terbaik dalam usaha mengarifi kefahaman kepada generasi muda yang bakal menjadi peneraju terhadap pembentukan gagasan negara bangsa ini. Tentunya dalam usaha memurnikan sebuah impian negara yang baik, dunia sastera Melayu tidak dapat tidak terpaksa berhadapan dengan cabaran dan berhadapan dengan perjalanan yang penuh berliku ini. Maka, masalah utama yang dihadapi oleh rakyat Malaysia ialah bagaimanakah penduduk pelbagai etnik ini dapat menghapuskan perasaan taat dalam wacana perpaduan kepada bangsa masing-masing dan mengantikannya dengan perasaan cinta terhadap negara? Nah, inilah peranan sastera Malaysia mutakhir ini tatkala berhadapan dengan kefahaman penjenamaan semua gagasan muluk ini.

Paling membimbangkan sekali ialah apabila mengandaikan bahawa jikalau perubahan ini tidak berlaku secara murni, bagaimanakah sastera Melayu dapat menyelesaikan permasalahan atau konflik etnik/ kaum/ bangsa yang bakal wujud itu? Sama ada secara ketara mahupun secara tersirat, perkara berkenaan dilihat berupaya menggugat kestabilan politik, ekonomi, sosial dan budaya negara. Seperti yang tersebut tadi, perasaan keterikatan dengan identiti bangsa cukup sukar dihapuskan kerana pembentukan identiti ini bersifat *asobiyah*, *asliah* atau ‘primordial’. Sifat-sifat ini yang sudah tertanam dalam minda dan ingatan kolektif sesuatu bangsa sejak turun-temurun itu akhirnya akan mencetuskan sentimen yang tidak sepatutnya berlaku dalam situasi negara yang sedang menikmati pengertian kemerdekaan. Justeru, dalam hal ini, sastera yang merujuk kepada makna ‘kesusasteraan’, iaitu teks yang indah, lebih baik, lebih berfaedah dan bermutu itu (Hashim Awang, 1985) itu diharapkan akan menjadi alat bagi menyeimbangkan usaha pembentukan negara bangsa mengikut acuan perlembagaan Malaysia.

Dalam konteks sebuah negara merdeka, bangsa dan negara adalah dua entiti atau konsep yang berlainan tetapi saling melengkapi dalam konteks kesatuan fitrah. Bangsa ialah entiti atau kesatuan sosiobudaya, manakala negara atau dalam bahasa Inggerisnya disebut *state*, adalah kesatuan kawasan yang merujuk kepada geografi-politik. Kedua-dua ini walaupun membawa pengertian yang berbeza tetapi perlu wujud dalam kesatuan yang dapat mencorakkan kehebatan sesuatu bangsa dan negara. Orang Melayu misalnya, terkenal dengan logos dan etos *Sejarah Melayu* yang hebat sejak kurun ke 14 lagi. Sejarah yang panjang itu tentunya turut diiringkan dengan peranan sastera yang menjadi tradisi persuratan dan pengucapan terpenting hingga kini. Kanun sastera Melayu seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Thufat al-Nafis*, *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa* dan lain-lain yang pada mulanya dilihat sebagai satu khazanah bangsa dan negara kini menjadi lebih penting daripada itu. Hari ini, teks kanun sastera itu bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi konsep hiburan sebaliknya telah menjadi unsur sejarah yang amat penting dalam menentukan ketamadunan sesebuah bangsa. Justeru, fungsi sastera dilihat sudah melangkaui fungsi asalnya sehingga berupaya menentukan jatus banggunya sesuatu tamadun bangsa. Oleh itu, pembentukan identiti sesuatu bangsa pada hari ini ditentukan oleh persamaan budaya, bahasa, adat, asal usul sejarah dan agama yang dimiliki atau diwarisi bersama oleh anggota kumpulan bangsa itu

sejak turun-temurun. Identiti yang bergerak dalam konteks sama ada 'nenek moyang asal' yang wujud dalam sejarah atau hanya diciptakan melalui mitos dan imaginasi itu perlu diakui bahawa itu adalah akar kepada tradisi pembentukan sesuatu bangsa. Bangsa Melayu yang bersifat hebat dalam kaca mata hikayat *Sejarah Melayu* itu adalah pancaran kepada kewujudan satu bangsa hebat yang mampu menakhluk satu perempat dunia. Kehebatan ini tidak boleh dinafikan kerana kewujudan bangsa ini turut terdapat dalam catatan kembara I-Tsin dan Marco Polo.

Perihal pentingnya sastera menekankan kesedaran ini diterapkan ke dalam jiwa masyarakat kerana sesuatu bangsa itu perlu melihat betapa deritanya sesuatu bangsa tanpa negara seperti bangsa Scots atau Welsh, bangsa Catalan dan Alsace di British atau 'Britisher', bangsa Tamil di kawasan Jafna di Sri Lanka, bangsa Chechen di Rusia, bangsa Palestin di Palestin atau bangsa Melayu-Islam di selatan Filipina mahupun selatan Thailand yang berjuang untuk mewujudkan negara sendiri. Hal ini mungkin tidak penting dalam pemikiran seseorang, tetapi dalam falsafah sastera, akar atau jati diri seperti ini amat penting dalam menentukan gagasan masa depan sastera Melayu khususnya.

Oleh itu, daripada contoh-contoh ini kita dapat memahami bagaimana kesedaran kesatuan bangsa menjadi dorongan yang cukup kuat untuk mendesak bangsa itu membentuk negara sendiri supaya bangsa itu berupaya melepaskan diri daripada kuasa atau pemerintahan bangsa lain yang lebih dominan. Inilah yang sering disebut bahawa kesedaran sastera kebangsaan atau nasionalisme adalah penentu kepada kejayaan sesebuah negara seperti mana yang berlaku di Eropah pada pertengahan kedua abad ke-18 iaitu, kesedaran ini dibangkitkan melalui pentingnya pembacaan teks sastera yang difikirkan dapat mengangkat keagungan bangsa mereka itu. Hal yang sama juga dilakukan oleh bangsa Jepun, China dan India. Mereka telah menjadikan bangsa dan persekitaran hidup sebagai teks sastera yang berupaya memangkin kesedaran jati diri dan semangat cinta akan negara.

Mohammad Saleeh Rahamad (2011)ⁱ menjelaskan bahawa sastera sentiasa memainkan peranan yang tersendiri, iaitu sentiasa berfikir tentang cara untuk memberikan kebahagiaan dan keharmonian – bukan sahaja kepada masyarakat di sekitarnya, tetapi meliputi semua insan di muka bumi ini. Penegasannya terhadap golongan sasterawan adalah satu golongan pejuang yang tidak pernah berkarya untuk tujuan merosakkan negara atau berniat untuk menghancurkan keamanan, namun segala idea yang dinukilkhan melalui tinta tentulah dilandasi matlamat yang menuju ke arah kebenaran dan kebaikan. Hakikat ini boleh dilihat sejak bermulanya perkembangan sastera di negara ini – baik dalam cerita tradisional yang berlegar secara lisan mahupun dalam bentuk tulisan, di mana matlamat kepengarangan seseorang pencipta adalah untuk membina keperibadian yang unggul seperti yang termaktuk dalam karya-karya yang dihasilkan oleh sasterawan negara, penerima *S.E.A Write Award*, pemenang hadiah sastera peringkat kebangsaan dan sebagainya.

Hal ini bermakna, pengarang karya agung Melayu yang rasional ketika menghasilkan karya kreatif tidak sedikit pun mengurangkan isi kandungan yang memperlihatkan hubungan erat dan jalinan mesra antara raja dengan rakyat atau sasterawan ini tidak pernah ada mana-mana pihak yang mempertikaikan niat murni mereka menulis sedemikian rupa. Sastera moden kemudiannya mula mempengaruhi minda masyarakat dengan pemikiran transformasi untuk keluar daripada lingkungan kehidupan yang kuno dan ketinggalan dalam serba-serbinya. Pemikiran yang terkandung dalam karya pengarang yang awal antaranya Syed Sheikh Al-Hadi, Ahmad Rashid Talu, Ishak Haji Muhammad, Abdul Rahim Kajai, A. Samad Ismail, Keris Mas, Usman Awang dan ramai lagi ternyata memberikan kesan yang besar dalam perubahan sikap kehidupan rakyat Malaysia. Walaupun kesannya tidak dapat diukur secara ketara, saya yakin dalam bentuk pembinaan jati diri, masyarakat dan negara telah banyak beroleh manfaat daripadanya.

Dalam Era pasca merdeka hari ini, sasterawan terus berperanan melakukan transformasi terhadap pemikiran masyarakat dengan idea yang dapat menyuburkan pembangunan, membangkitkan perpaduan kaum, dan memperkasakan pembebasan jati diri daripada penjajahan mental. Secara sedar atau tidak, ratusan atau puluhan tahun yang berlalu itu telah memperlihatkan kepada kita bahawa para sasterawan adalah mata dan suara hati rakyat yang melihat kepincangan dalam masyarakatnya lalu menyisipkan idea dan pedoman untuk membentuk keperibadian bangsa bagi menghadapi cabaran zaman. Secara sedar atau tidak juga, penulis-penulis dalam kalangan generasi muda terpaksa berhadapan dengan cabaran ini seterusnya memikul tanggungjawab yang besar bagi mencorakkan minda masyarakat tempatan mahupun antarabangsa. Oleh itu, kesan yang dirasai nanti seharusnya dapat melahirkan karya yang bersifat sastera kebangsaan dengan berpaksikan kepada asas gagasan 1Malaysia.

Hal berkenaan 'sastera dan lingkungan hidup' semestinya dilihat daripada aspek yang tidak sempit sebagai mana melihat ukuran dan tafsiran sosiobudaya, iaitu melihatnya daripada kaca mata masyarakat dan budaya semata-mata. Pemahaman terhadap 'sastera dan lingkungan hidup' wajar juga merujuk kepada etika 'fenomenologi', iaitu bagaimana teks sastera berupaya menanggapi sesuatu situasi dengan pengalaman peribadi

yang rencam dan bersifat sepunya. Edmund Husserl (1859-1938) menjelaskan bahawa fenomenologi merupakan satu tanggapan terhadap kesedaran dan pengalaman peribadi yang amat subjektif atau disebut juga sebagai tanggapan orang pertama (*first person point of view*).ⁱⁱ Justeru, jika pandangan Edmund Husserl ini diambil kira, sastera dan lingkungan hidup wajar berubah mengikut perkembangan zaman dan pengkaryanya. Oleh itu, sekiranya pendapat ini ditanggapi dengan kebolehpercayaan bahawa sastera adalah alat menggalakkan lahirnya kemunculan pemikiran baharu, maka kesan yang berlaku dalam usaha memperkasa sastera akan membentuk watak, peribadi dan jati diri masyarakat Malaysia selanjutnya.

Sejarah negara Malaysia yang sedang menikmati usia 55 tahun ini berada dalam situasi yang membimbangkan apabila persoalan terhadap bagaimana hendak menyeimbangkan semangat atau kesedaran 'cinta' atau 'patriotik' kepada identiti bangsa dengan semangat ketaatan kepada negara atau tidak berlaku dengan subur. Hal ini mungkin remeh dalam perkiraan pembentukan sahsiah individu tetapi amat serius dalam perkiraan perpaduan dan ketamadunan bangsa. Perkataan 'menyeimbangkan' dalam konteks ini ialah merujuk kepada kesedaran terhadap penyuburan semangat berbangsa yang sukar dihapuskan melalui apa-apa juar formula yang bersifat 'rasional' (yakni yang tidak mengambil kira subjektiviti, atau perasaan dan emosi bangsa) dalam usaha untuk membina semangat cinta terhadap negara. Teks sastera yang bergerak dalam tema dan pemikiran-pemikiran seperti ini akhirnya dilihat sedang berhadapan dengan tanggapan dan keceluaran yang sukar diterima oleh generasi baharu. Patriotisme bagi generasi ini bererti semangat cinta kepada tanah air atau taat kepada negara, melepassi perasaan taat kepada bangsa. Negara mempunyai lambang-lambang atau institusi-institusi tertentu yang boleh digunakan untuk membentuk semangat patriotisme ini, misalnya, bendera kebangsaan, lagu kebangsaan (negara), konsep raja sebagai institusi atau lambang kedaulatan negara (walaupun raja itu ialah raja Melayu), perlembagaan negara dan sistem undang-undang negara. Akhirnya, alat atau institusi ini menjadi 'bebas etnik' atau 'bebas bangsa' apabila seseorang warganegara khususnya pengkarya berjaya mewakili tuntutan dan akal budi bangsanya.

Sebaliknya apa yang berlaku dalam situasi generasi hari ini ialah dasar-dasar negara, misalnya, dasar ekonomi, dasar pendidikan, dasar bahasa, dasar kebudayaan, yang boleh memupuk dan membentuk kesedaran 'perpaduan bangsa' atau kaum sebagai asas perpaduan negara sedang berhadapan dengan keracuan dan persimpangan. Terdapat beberapa teori yang mengatakan bahawa rakyat di negara berbilang bangsa akan cinta dan taat kepada negara jikalau dasar negara itu, dalam bidang apa pun, tidak dianggap atau ditanggapi oleh mana-mana kaum sebagai dasar yang boleh menjelaskan kepentingan kaumnya, dan menguntungkan kaum lain. Dasar yang bersifat bebas etnik dilihat masih menebal dan sukar membentuk kesepakatan kerana kepentingan kaum masing-masing masih terikat dengan agenda tersendiri. Tetapi, jikalau dasar itu dianggap boleh menjelaskan kepentingan kaum tertentu, atau jikalau dasar itu dianggap 'tidak adil' kepada semua kaum, maka sastera yang bertindak akrab dengan lindungan kehidupan akan gagal berdiri sebagai satu logos dan etos dalam sastera Malaysia. Dalam persaingan ini misalnya, orang Cina masih dapat mempertahankan kepentingannya, misalnya berusaha mengekalkan sekolah Cina, sedangkan orang Melayu menghadapi masalah, tidak tahu lagi, kepentingan Melayu yang manakah yang mesti dipertahankan, kerana segala kepentingan mereka, termasuk bahasa Melayu, sudah dijadikan 'alat kebangsaan yang bersifat global (global and local)'. Sehubungan dengan itu, sanggupkah orang Melayu dan kaum-kaum lain di negara ini melupakan identiti bangsa masing-masing untuk menjadi satu 'bangsa Malaysia' yang bersatu berdasarkan semangat patriotisme? Apakah jawapannya?

Dalam konteks etika lingkungan sastera pula, falsafah barat rupanya tidak selalu mendukung apa yang menjadi asumsi dasar etika lingkungan tamadun sastera Melayu khususnya dan sastera Malaysia amnya. Refleksi tentang alam telah muncul sejak ahli falsafah Yunani, iaitu Thales, Anaximander dan Anaxagoras, bahkan dalam mencari susur galur akar tradisi mereka menjadikan alam sebagai unsur dasarnya. Wan Nor Wan Daud (1989) membahasakan hal ini dengan memetik beberapa pandangan, antaranya pendapat Thales yang melihat bahawa segala sesuatu berasal daripada air, di dalam benda-benda di bumi terdapat dewa; Heraclitos berpendapat bahawa api adalah awal dari segala sesuatu; Xenophanes melihat tanah sebagai *arkhe*, sementara Empedocles mengajukan empat element, iaitu tanah, udara, api dan air. Walaupun Wan Nor Wan Daud telah menolak beberapa pemikiran Parmenides, umumnya para falsafah Yunani ini menerima konsep bahawa dunia mempunyai *rational structure*, tidak berubah, tidak boleh dibahagi-bahagi, tidak dapat dihancurkan dan tidak dapat digerakkan secara sendiri. Dalam hal ini, Plato memiliki tendensi yang berbeza terhadap alam. Dalam metafisikanya, alam material hanyalah berhubung kait dengan akal. Maka, dunia pengalaman yang sebenar adalah tidak nyata. Pemikiran ini kembali dibangkitkan oleh Plotinos (204-270), iaitu Plotinos beranggapan bahwa dunia dan manusia merupakan penjelmaan dari jiwa, sedangkan jiwa itu merupakan kuasa dari roh (*Nous*), dan roh itu merupakan kuasa pertama dari Yang-Satu (*To Hen*). Dunia pula bersatu kerana dirasuki oleh jiwa dunia sebagai kuasa rasa yang lahir dalam jiwa. Memang dunia dan manusia berbeza, akan tetapi pada situasi yang tetap, semuanya diresapi oleh daya dan sinar yang bertemu daripada satu titik yang sama sumbernya, iaitu Tuhan.

Secara mudahnya, aturan sastera dan lingkungan hidup menekankan hal-hal berikut:

1. Manusia perlu mengabdikan diri kepada Pencipta
3. Manusia adalah sebahagian daripada alam dan perlu bertanggungjawab ke atasnya
4. Manusia perlu saling berkomunikasi dengan sesama manusia tetapi tidak boleh diperlakukan sewenang-wenang
5. Manusia perlu bijaksana mentadbir alam
6. Pentingnya melindungi keanekaragaman hidup
7. Mengkritik sistem sosiopolitik dengan cadangan alternatif

Umumnya, sastera Melayu dalam hubungan dengan lingkungan hidup menekankan estetika murni kehidupan manusia dengan perlu berpaksi kepada gagasan nilai-nilai luhur dan ideal yang dicitakan pada seseorang manusia dan keseluruhan masyarakat Melayu itu. Budi menjadi salah satu intipati dalam falsafah kehidupan Melayu, kerana ia bersangkutan dengan perihal kebajikan, kesopanan, dan tingkah-laku yang baik, yang boleh kita sebut sebagai beradat atau beradab. Watak keperibadian dan rasa tanggungjawab kepada masyarakat di sekelilingnya dapat menunjukkan budi seseorang itu. Dan apabila disebut nilai-nilai budi yang baik ini, hal ini bukan sahaja harus ada pada diri seseorang itu tetapi juga domain sosialnya. Insan pengkarya yang budiman adalah ahli masyarakat yang meneguhkan lingkungan kehidupan bermasyarakat itu dengan rasa tanggungjawab, kebersamaan, kasih-sayang, dan saling menghargai antara satu sama lain, selain akur akan kebersamaan dan keberlainan di antara kita.

Dalam hal ini, perlunya sebuah kesedaran mutlak bahawa sastera memiliki hubungan yang unik dengan pembentukan nilai dan sikap kebangsaan. Pada satu sisi, sastera perlu dilihat sebagai sebuah sejarah seni yang umum hingga berupaya menunjukkan sastera adalah posisi yang amat penting dalam pembentukan perwatakan kebangsaan dan negara bangsa. Jika hal ini diambil kira maka sastera bukan berperanan sebagai pencerah kepada dasar kebudayaan tetapi lebih penting daripada itu ialah sastera merupakan sebahagian daripada alat pendidikan, iaitu yang bakal menentukan penyebaran kebijaksanaan manusia atau masyarakat.

Akan tetapi, dalam satu sisi yang lain pula, sastera juga merupakan wadah penting dalam menentukan asas pentadbiran negara. Oleh itu, sastera tidak wajar dicurigai dengan tanggapan sastera boleh menyebabkan lingkungan hidup manusia musnah atau hancur. Kesempitan mentafsir sastera dengan andaian-andaian negatif merupakan satu tanggapan yang tidak matang kerana sastera tumbuh sebagai satu kuasa baru yang subur dengan pemikiran dan kebijaksanaan.

Memahami sastera dalam konteks lingkungan hidup mampu menjadikan manusia lebih bersifat manusawi. Manusia atau insan seperti yang dirujuk dalam *al-Quran* merupakan makhluk yang perlu saling bergandingan dan berjalan seiring dengan sastera sehingga berupaya membentuk proses insaniah dan harapan melahirkan manusia yang berakhhlak. Impian ini dilihat semacam angan-angan tetapi bagaimana sekirannya proses pembentukan sahsiah manusia hari ini dapat dilakukan tanpa pemerkasaan sastera? Persoalan ini akan terjawab sekiranya sastera yang bersifat utama dan dominan dalam usaha kerajaan menggembeleng generasi tidak dikesampingkan dalam sistem pendidikan yang menyasarkan pembentukan modal insan.

Di negara Barat seperti Perancis dan Itali begitu juga di negara Jepun dan Korea, subjek sastera dikatakan berjaya menjadi teras pembentukan sahsiah dan jati diri bangsa dan negara (Shamsudin Othman, 2006). Kesedaran itu akhirnya dapat dijelmakan dalam hal-hal yang berkaitan dengan penciptaan teknologi seperti bangunan, kenderaan dan reka bentuk busana (pakaian) dan pelbagai lagi ciptaan yang bersifat jati diri bangsa. Jika negara-negara maju boleh menjadikan subjek sastera sebagai teras berkreatif, kenapa di negara kita yang sedang menikmati kemerdekaan tidak boleh melakukannya? Apakah karya sastera kita tidak bermutu atau berada pada tahap amat lemah? Atau adakah selama ini kita terlepas pandang akan peri pentingnya peranan sastera dalam pembentukan sahsiah manusia khususnya generasi pelajar yang ingin dilahirkan oleh sebuah negara bertamadun seperti Malaysia ini?

Oleh itu, sudah sampai masanya, sastera perlu dilihat sebagai alat atau kuasa penting yang dapat membantu, menjana dan mengubah struktur pendidikan yang seimbang. Pelajar (juga murid sekolah) adalah generasi yang terdedah kepada proses pembelajaran terbuka. Tafsiran ini merujuk kepada masyarakat yang berada dalam situasi pencarian bagi meneruskan langkah untuk bersaing di peringkat global. Mereka terdedah dengan pelbagai mesej dan agenda. Pada ketika inilah mereka perlu membuat pilihan terbaik untuk menentukan hala tuju kehidupan seterusnya. Justeru, sastera yang berteraskan jati diri dan akal budi itu diharapkan akan dapat menjadi salah satu pegangan, ikutan, pendirian dan prinsip perjuangan hidup mereka. Inilah yang kita harapkan daripada kepentingan sastera itu supaya mereka menjadi generasi yang dapat mencintai bangsa dan negara sendiri. Ditinjau daripada hubungan yang lebih mendalam, karya sastera tidak wujud sebagai fenomena ekspresi semata-mata. Sastera dan pembangunan masyarakat merupakan dua entiti yang saling memerlukan. Penggunaan

sastera dalam tradisi keilmuan masyarakat telah lama wujud dan penghasilan karya sastera tempatan yang diwarnai pertembungan budaya itu telah dapat membongkar persoalan estetika dan kerohanian. Idealisme serta harapan terhadap peranan sastera ini diharapkan akan dapat melahirkan kesatuan sistem pendidikan khususnya melahirkan masyarakat yang dicitra-citakan oleh sebuah negara yang berwawasan besar. Lantaran itu, sejarah pendidikan kesusasteraan Melayu telah dan perlu melalui beberapa gelombang perubahan sesuai dengan konteks latar dan masyarakatnya yang berbeza.

Secara umumnya sastera tidak dapat mengelakkan diri daripada menjadi wadah yang responsif terhadap perubahan pola-pola zaman, matlamat sosial atau nilai-nilai fundamental masyarakatnya. Pembelajaran sastera dalam sistem pendidikan negara tidak pernah memberikan jawapan apakah sastera boleh ditanggapi sebagai satu persediaan 'kemahiran hidup'? Iaitu melihat sastera berupaya menjanjikan peluang keberjayaan masa depan seseorang atau sastera hanya alat manifestasi seni untuk seni, iaitu merujuk kepada keindahan dan keseronokan hiburan semata-mata?

Setiap kesatuan sosial adalah satu gerakan sepdu yang secara serentaknya bergerak dalam landasan menuju sebuah impian murni. Oleh itu, sastera tidak dapat mengelakkan diri daripada propaganda yang ingin meruntuhkan kedaulatan sosial dan doktrin kenegaraan. Selama sastera menjadi entiti penting dalam masyarakat maka selagi itulah perubahan-perubahan yang berlaku dalam milieu itu wajar ditanggapi sebagai tuntutan revolusiner. Kontradiksi dari pelbagai arah seperti ini adalah gejala biasa dalam satu masyarakat yang terbuka kepada kebudayaan dunia. Kesannya ialah sastera akan dianggap kuat dalam konteks memberikan pengetahuan kepada masyarakatnya tentang nilai-nilai murni agar mereka dapat menghayati dan menghargai kehidupan di samping pemupukan semangat jati diri dan nilai lingkungan kehidupan. Melalui kesedaran ini, sastera dapat dijadikan alat berfikir secara analitis, kritis dan kreatif. Selanjutnya diharapkan masyarakat akan mampu meningkatkan keupayaan berbahasa dan membina keperkasaan estetika apabila membaca dan mengkaji hasil sastera itu sendiri.

Meskipun terdapat kekeliruan dan kecelaruan dalam konteks memahami teks sastera kerana sifatnya yang abstrak dan sukar difahami, tetapi hal ini pada akhirnya berjaya mencambahkan perkembangan kreatif dan kreativiti yang sihat hingga berjaya mewarnakan kepelbagai teknik, mutu dan hasil karya sastera. Gagasan yang diterima pakai ini dilihat berjaya menjadi cabaran globalisasi dan liberalisasi dalam menuntut perubahan yang dinamik dalam usaha memahamkan kehadiran konsep sastera dan lingkungan hidup. Gagasan ini juga adalah seiring dengan impian Wawasan 2020 negara yang ingin melahirkan warganegara glokal (global dan lokal) yang mampu bertindak dengan bijak untuk menghadapi cabaran dan ancaman globalisasi dan liberalisasi. Peranan sastera adalah untuk memastikan sumber manusia yang dihasilkan mampu berfikir secara global dan bertindak secara lokal untuk kepentingan negara dan bangsa.

Justeru, nilai budaya Malaysia harus menjadi asas kepada kemajuan negara dan bangsa. Dalam hal ini, sebuah negara bangsa yang rakyatnya berkongsi identiti, lambang, kebudayaan, nilai dan semangat, maka adalah bertepatan sekali bahawa sastera perlu menjadi alat untuk menjayakan hasrat negara bangsa tersebut.

KESIMPULAN

Sasterawan dan kesusasteraan adalah entiti penting yang bertembung dalam kesatuan lingkungan akal dan budi. Kedua-dua entiti ini adalah perakam zaman yang menyimpan sejarah jatuh dan bangunnya sesuatu bangsa. Sasterawan bukan sekadar menjadi penulis tetapi lebih penting daripada itu ialah melontarkan idealisme, visi dan gagasan yang mewakili lingkungan hidupnya. Oleh itu, sama ada disukai atau tidak, pandangan Shahnon Ahmad (1991) bahawa sastera adalah hati nurani bangsa dan lingkungan hidup sesebuah masyarakat terakam di dalam sasteranya itu tidak boleh disangkal sama sekali.

Manusia diciptakan sebagai makhluk yang berkait juga dengan pengertian bahawa manusia selama-lamanya makhluk yang diciptakan dengan akal dan budi bukan hanya untuk mengabdikan diri kepada Tuhan-Nya tetapi perlu saling bertoleransi dalam kehidupan masyarakat. Justeru, dengan adanya semangat atau gerakan berkomunikasi, berpasukan dan berfikir kritis, sastera akhirnya dapat berdiri sebagai satu entiti yang berupaya memancarkan pemikiran pengarang waima mewakili bangsanya. Islam mengatur supaya manusia berpegang kepada keimanan yang satu, beramal soleh, saling memberi nasihat, berbaik sangka tentang kebenaran dan meningkatkan darjat kesabaran. Dengan begitu, melalui sastera, manusia akan dapat menjadi makhluk yang sentiasa hidup sejahtera dalam sebuah dunia yang indah, damai dan bahagia – untuk selanjutnya adalah akhirat yang abadi. Semua ajaran sastera khususnya dalam konteks teks sastera Melayu adalah bersifat mengatur manusia supaya mengamalkan perbuatan baik dan meninggalkan kemungkarann.

Kalau roboh Kota Melaka,
Papan di Jawa kami dirikan;
Kalau sungguh bagai dikata,
Nyawa dan badan kami serahkan.

Serangkap pantun di atas mengakhiri tulisan ini yang jelas memperlihatkan kearifan akal budi Melayu ketika menyampaikan amanat untuk meningkatkan semangat tidak mengenal putus asa atas matlamat suci membela kebenaran, memperjuangkan hak untuk membangun bangsa dan negara.

RUJUKAN

- _____ *Al-qur'anul karim*. Kuala Lumpur: Penerbitan YADIM.
- Al-Ghazali (2008). *Minhajul Abidin* (terj.). Jakarta Timur: Khatulistiwa Press.
- A. Wahab Ali (1989). *Imej Manusia dalam Sastera*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Taib (1992). "Pengukuhan Budaya dan Pembentukan Personaliti" dalam Kobkua S. Pian, Rohany Nasir & Mohammad Agus Yusuf [eds]. *Dua Dekad Penyelidikan Sejarah, Bahasa, dan Kebudayaan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Hamzah Hamdani (1988). *Pemikiran Sastra Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kishore Mahbubani (2011). *Asia Hemisfer Baru Dunia*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
- Hughes, Robert, 1994. *Culutre of Complaint*. London. Harper Collins Publishers.
- Mohd. Yusof Hj. Othman, Baharudin Yatim, Khalijah Mohd. Salleh, Sulaiman Nordin dan Normah Ahmad, 1999. *Siri Wacana Sejarah dan Falsafah Sains: Jilid 8*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohamad Saleeh Rahamad, S.M. Zakir dan Shamsudin Othman (2006). *Persuratan dan Peradaban Nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurcholish Madjid (2003). *Islam Agama Kemanusiaan*. Jakarta, Indonesia: Penerbit Paramadina.
- Rustum A Sani (1992). *Melayu Baru: Beberapa Persoalan Sosio-Budaya*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa.
- Shaharuddin Maaruf (1993). *Konsep Wira dalam Masyarakat Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Shahnon Ahmad (1991). *Sastera Sebagai Seimograf Kehidupan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsudin Othman (2006). *Sastera dan Masyarakat: Analisis Fenomenologi Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussein Alatas (1992). *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussein Alatas (1996). *The New Malay: His Role and Future*. Singapore: AMP.
- Syed Hussein Alatas (2005). "Watak Tertawan di Negara Membangun" dalam Mohamed Daud Mohamed & Zabidah Yahya [ed]. *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad (1991). *Sastera Sebagai Seimograf Kehidupan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Nor Wan Daud. (1989). *The Concept of Knowledge in Islam*. London: Mansell
- Wellek, Rene dan Austin Warren (1988). *Teori Kesusastraan* (terj.) Wong Seng Tong. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata:

SHAMSUDIN OTHMAN dilahirkan di Tangkak, Johor pada 31 Julai 1966. Memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kesusastraan Melayu-Islam pada tahun 2012 di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Pernah memenangi lebih daripada 25 anugerah sastera peringkat kebangsaan. Kumpulan puisinya yang telah diterbitkan ialah *Taman Percakapan* (DBP:2006), *Tanah Nurani* (PIB: 2009), *Taman Maknawi* (ITBM: 2013), *Taman Insaniah* (DBP: 2014) dan *Kudus Kesturi* (ITBM:2015). Kini bertugas sebagai seorang pensyarah kanan (Kesusasteraan Melayu dalam Pendidikan) di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

ⁱ Rujuk ucapan beliau dalam Majlis Makan Malam Sempena 50 Tahun PENA di Hotel Intercontinental, Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada 16 Disember 2011.

ⁱⁱ Rujuk Hughes, Robert, 1994. *Culutre of Complaint*. London. Harper Collins Publishers, hlm.85.